



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 14 Oktober 2010

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BIL 22 TAHUN 2010
ETIKA PAKAIAN WAKTU PEJABAT**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa semua warga LGM, hendaklah berpakaian mengikut peraturan yang telah ditetapkan semasa berada di tempat kerja dan semasa menjalankan tugas rasmi. Antara perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- i) Berpakaian kemas dan tidak memakai selipar
- ii) Tidak memakai pakaian yang berwarna marak (gaudy) dan pakaian-pakaian menjolok mata serta pakaian tanpa lengan (sleeveless)
- iii) Tidak memakai pakaian seperti jeans, baju t-shirt dan seluar pendek
- iv) Bagi pegawai/anggota lelaki rambut mestilah dipotong pendek dan tidak melebihi kolar kemeja
- v) Warga LGM yang diberi pakaian seragam diwajibkan memakainya semasa bekerja
- vi) Mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan apabila menghadiri sesuatu upacara di tempat kerja atau di luar

3. Peraturan ini disediakan dalam buku Kod Etika dan Tatalaku Lembaga Getah Malaysia. Peraturannya dianggap sebagai sebahagian dari Peraturan Tatatertib. Warga LGM yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(ROSNA BINTI ABD RAZAK)

s.k : Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian